

01/08/1998

Dua firma Malaysia majukan Zimpeto

Mahfar Ali

DUA syarikat hartanah Malaysia, Bina Puri Holdings Bhd (Bina Puri) dan Chase Perdana Bhd (Chase Perdana), menubuhkan sebuah konsortium bagi memajukan bandar baru di Zimpeto dekat Maputo (Mozambique), membabitkan perlaburan awal AS\$50 juta (kira-kira RM200 juta).

Konsortium itu, yang turut dianggotai syarikat hartanah dari Mozambique, Sir Group dan Majlis Perbandaran Maputo, akan membina 2,000 unit rumah serta bangunan perniagaan, rumah kedai dan stesen minyak di kawasan seluas 60 hektar.

Majlis menandatangani perjanjian penubuhan konsortium itu diadakan semalam, disaksikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Presiden Mozambique, Joaquim Alberto Chissano.

Bina Puri diwakili Pengarah Urusan Kumpulannya, Datuk Tee Hock Seng dan Chase Perdana diwakili Pengerusi Eksekutifnya, Datuk Dr Mohan Swami. Sir Group pula diwakili presidennya, Amade Chemane Camal Junior manakala Datuk Bandar Maputo, Atur Canana mewakili Majlis Perbandaran Maputo.

Menurut kenyataan di Maputo, projek itu yang dijangka dimulakan dalam tempoh tiga hingga enam bulan lagi, adalah yang pertama diadakan di antara syarikat Malaysia dan Mozambique dalam sektor pembangunan hartanah.

Projek itu akan merintis kerjasama ekonomi di antara kedua-dua negara selaras dengan konsep perkongsian pintar di kalangan negara Selatan-Selatan.

Terdahulu, Dr Mahathir yang dalam rangka lawatan rasmi tiga hari ke Mozambique sejak Ahad lalu, merasmikan Bank ICB-International Commercial Bank, sebuah bank milik penuh Malaysia.

Semalam, Perdana Menteri dan Chissano juga menghadiri majlis jamuan sempena perasmian logo baru Banco Austral, sebuah lagi bank di Mozambique yang juga dikuasai syarikat Malaysia.

Southern Bank of Malaysia melalui anak syarikatnya di Mozambique, Investimentos Association Limitada, memiliki ekuiti 51 peratus dalam Banco Austral yang mempunyai 148 cawangan di seluruh negara ini.

Dalam ucapan di majlis perasmian ICB, Dr Mahathir berkata, penubuhan bank berkenaan akan memudahkan lagi ahli perniagaan Malaysia untuk membuat pelaburan di negara ini.

Perdana Menteri berkata, bank berkenaan juga diharap dapat menyumbang pembangunan ekonomi Mozambique.

Sementara itu, Ketua Eksekutif ICB, Benedict Goh, berkata bank komersil itu dijangka memulakan operasinya dalam tempoh seminggu dua ini dengan modal permulaan AS\$1.7 juta (kira-kira RM6.8 juta).

Menurutnya, ICB - bank ketujuh di Mozambique, juga akan menjadi pusat maklumat bagi ahli perniagaan Malaysia yang berminat mengembangkan perniagaan ke luar negara.

Selain Mozambique, ICB yang 100 peratus dimiliki pelabur Malaysia juga beroperasi di Ghana, Bosnia, Albania, Guinea, Tanzania, Republik Czech serta Hungary.

(END)